

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]

SOALAN :

YB Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan jumlah penjawat awam yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Malaysia setiap tahun dari tahun 2000 ke 2014 mengikut pecahan kategori jawatan (kumpulan pelaksana, kumpulan pengurusan dan profesional ataupun kumpulan pengurusan tertinggi) serta badan pengurusan (Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Suruhanjaya Perkhidmatan Polis dan sebagainya) secara terperinci.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2014, jumlah penjawat awam adalah seramai 1,606,463 orang. Pengisian tersebut meliputi:

- (a) Perkhidmatan Awam Persekutuan (Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Pasukan Polis Diraja Malaysia dan Perkhidmatan Pelajaran);
- (b) Perkhidmatan Awam Negeri;
- (c) Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri);
- (d) Pihak Berkuasa Tempatan; dan
- (e) Angkatan Tentera Malaysia.

Daripada jumlah tersebut, 3,790 orang (0.24%) terdiri daripada Kumpulan Pengurusan Tertinggi (KPT), 407,079 orang (25.34%) dari Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P) dan 1,195,594 orang (74.42%) dari pegawai Kumpulan Pelaksana.

Maklumat terperinci pengisian dalam Perkhidmatan Awam mengikut Kumpulan Perkhidmatan dari tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti Jadual di bawah:

Kumpulan Perkhidmatan	Tahun				
	2010	2011	2012	2013	2014
Pengurusan Tertinggi	1,919 (0.15%)	2,928 (0.23%)	2,941 (0.22%)	3,283 (0.24%)	3,790 (0.24%)
Pengurusan & Profesional	294,241 (22.5%)	301,287 (22.93%)	328,406 (24.24%)	333,864 (24.01%)	407,079 (25.34%)
Pelaksana	1,011,672 (77.35%)	1,009,906 (76.85%)	1,023,193 (75.54%)	1,053,182 (75.75%)	1,195,594 (74.42%)
JUMLAH	1,307,832	1,314,121	1,354,540	1,390,329	1,606,463

Sumber EIS, Pangkalan Data HRMIS

Sekian. Terima kasih.